

FUKOLE[®] CAPSULE

Fluconazole 150mg

Apakah yang ada pada risalah ini

Risalah ini mengandungi informasi berikut:

1. Apakah kegunaan FUKOLE[®] CAPSULE
2. Bagaimana FUKOLE[®] CAPSULE berfungsi.
3. Arahan sebelum menggunakan FUKOLE[®] CAPSULE.
4. Cara menggunakan FUKOLE[®] CAPSULE
5. Arahan semasa menggunakan FUKOLE[®] CAPSULE
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan FUKOLE[®] CAPSULE
8. Maklumat lanjut
9. MAL. No.
10. Alamat Pengilang
11. Alamat Pemegang Pendaftaran Produk.

Apakah kegunaan FUKOLE[®] CAPSULE

FUKOLE[®] CAPSULE digunakan untuk merawat dan mencegah jangkitan cryptococcal (eg. jangkitan otak), kandidiasis (eg. jangkitan faraj & jangkitan lidah) dan jangkitan kulat, khususnya bagi pesakit dengan imuniti terjejas.

Bagaimana FUKOLE[®] CAPSULE berfungsi

Fluconazole adalah ejen antikulat yang menghalang sintesis sterol kulat, dengan itu menjejaskan pertumbuhan dan hidup bagi kulat dan mikroorganisma tertentu.

Sebelum Mengambil FUKOLE[®] CAPSULE

Bila tidak boleh mengambil

Jangan mengambil FUKOLE[®] CAPSULE jika anda alah terhadap bahan dalam FUKOLE[®] CAPSULE. Jangan mengambil FUKOLE[®] CAPSULE jika anda mengandung atau menyusukan anak.

Sebelum mula mengambil

Beritahu doktor atau ahli farmasi jika anda alah terhadap sebarang ubat ataupun mempunyai sebarang masalah kesihatan.

Beritahu doktor anda jika anda mempunyai keadaan berikut:

Mengandung atau merancang untuk menjadi hamil

FUKOLE[®] CAPSULE mungkin boleh mengancam kesihatan bayi dalam kandungan. Anda tidak boleh mengambil FUKOLE[®] CAPSULE semasa mengandung kecuali doktor anda memberitahu anda untuk mengambil ubat ini. Memberitahu doktor anda jika anda hamil atau merancang untuk hamil. Sekiranya anda mempunyai potensi hamil, elakkan kehamilan semasa rawatan. Gunakan kontrasepsi yang berkesan semasa rawatan dan selama 1 minggu selepas rawatan.

Penyusuan susu ibu

FUKOLE[®] CAPSULE diekskresikan dalam susu ibu manusia, oleh itu penggunaannya di ibu tidak disyorkan. Namun, penyusuan bayi boleh diteruskan jika anda mengambil satu dos FUKOLE[®] CAPSULE 150mg sahaja. Penyusuan susu ibu tidak disyorkan selepas penggunaan dos yang tinggi (lebih daripada 150 mg) atau penggunaan berulang FUKOLE[®] CAPSULE.

Jika mengambil ubat-ubat lain

Minta nasihat daripada doktor atau ahli farmasi anda jika anda ingin menggunakan FUKOLE[®] CAPSULE bersama dengan ubat yang lain. Selain itu, beritahu doktor atau ahli farmasi jika anda sedang mengambil sebarang ubat, termasuk ubat-ubatan tanpa preskripsi doktor.

Cara menggunakan FUKOLE[®] CAPSULE

Berapa banyak harus diambil

FUKOLE[®] CAPSULE harus diambil mengikut arahan doctor atau ahli farmasi.

Bila perlu diambil

FUKOLE[®] CAPSULE harus diambil mengikut arahan doctor atau ahli farmasi.

Berapa lama perlu diambil

FUKOLE[®] CAPSULE perlu diambil mengikut arahan doktor anda.

Jika terlupa mengambil

Jika anda terlupa satu dos, ambil dos itu secepat mungkin. Tetapi, jika sudah mendekati masa pengambilan dos yang kedua, jangan mengambil dos yang berganda untuk menggantikan dos yang terlupa, kecuali dinasihati oleh doktor. Jangan mengambil dua dos pada masa yang sama.

Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)

Minta bantuan perubatan dengan segera.

Semasa menggunakan FUKOLE[®] CAPSULE

Perkara yang perlu dilakukan

Ambil ubat ini mengikut arahan doktor anda.

Perkara yang tidak boleh dilakukan

Jangan mula mengambil ubat ini atau mengubah dos yang sedang diambil tanpa arahan doktor. Jangan memberi ubat ini kepada orang lain walaupun gejala-gejala mereka serupa dengan anda.

Perkara yang perlu diberi perhatian

Pesakit yang mengambil ubat-ubatan selain daripada FUKOLE[®] CAPSULE harus memberitahu doktor atau ahli farmasi. Sila memperhentikan FUKOLE[®] CAPSULE jikalau mendapati keadaan kulit seperti ruam, kemerahan atau lepuh kulit berlaku.

Kesan-kesan sampingan biasa

Kesan sampingan FUKOLE[®] CAPSULE adalah rasa loya, sakit perut, cirit-birit, kembung perut dan ruam.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui laman web npra.gov.my [Consumers -> Reporting Side Effects to Medicines (ConSERF) or Vaccines (AEFI)].

Cara penyimpanan dan pelupusan

Cara penyimpanan

Simpan di bawah suhu 30°C, elakkan daripada terdedah kepada cahaya dan kelembapan.

FUKOLE[®] CAPSULE

Fluconazole 150mg

Cara pelupusan

FUKOLE[®] CAPSULE perlu dilupuskan apabila doktor atau ahli farmasi menyuruh anda berhenti mengambil ubat ini atau ubat ini telah luput tarikh. Sila bertanya kepada ahli farmasi anda bagaimana untuk melupuskan ubat yang tidak lagi diperlukan.

Maklumat lanjut

Rupa dan warna produk

Kapsul berwarna A#1 biru muda, dengan

tanda "YSP" pada kedua-dua topi dan badan kapsul, ia mengandungi serbuk putih.

Bahan kandungan

Bahan aktif-

Fluconazole

Bahan tidak aktif-

Cellulose

Silicon Dioxide

Sodium Starch Glycolate

Magnesium Stearate

MAL no.

MAL20040092AZ

Pengilang

Y.S.P. Industries (M) Sdn. Bhd.

Lot 3, 5, 7, 12 & 14, Jalan P/7,

Section 13, Kawasan Perindustrian

Bandar Baru Bangi, 43000 Kajang,

Selangor Darul Ehsan, Malaysia.

Pemegang Pendaftaran Produk

Y.S.P. Industries (M) Sdn. Bhd.

Lot 3, 5, 7, 12 & 14, Jalan P/7,

Section 13, Kawasan Perindustrian

Bandar Baru Bangi, 43000 Kajang,

Selangor Darul Ehsan, Malaysia.

Tarikh kemaskini RiMUP :

04/03/2025

Nombor Siri

NPRA(R2/1)190924/254